

06/11/1997

Sidang bimbang spekulasi mata wang

SIDANG Kemuncak G-15 yang berakhir hari ini membuktikan negara membangun benar-benar bimbang ancaman spekulasi mata wang yang boleh memberi kesan kepada ekonomi negara terbabit, jika tidak dikawal.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara membangun lain menyatakan kebimbangan bahawa mereka juga boleh diancam serangan spekulator antarabangsa, jika kegiatan golongan itu tidak dikawal segera.

Menurut Perdana Menteri, beberapa pemimpin khususnya Presiden Mesir, Hosni Mubarak, memaklumkan bahawa mereka menyokong cadangan Malaysia untuk melaksanakan sistem perundangan bagi mengawal kegiatan berkenaan.

"Mereka sebenarnya amat bimbang...bimbang negara masing-masing turut diserang (spekulator)," katanya pada sidang akhbar bersama di akhir sidang kemuncak tiga hari itu.

Ditanya sama ada isu krisis mata wang memberi nafas baru kepada sidang kemuncak itu, beliau mengakui hakikat itu di samping berpendapat ia turut merangkumi masalah yang lebih global.

Menurut Perdana Menteri, G-15 mahu pertemuan di kalangan anggota kumpulan itu diadakan lebih kerap.

(END)